

**NO. SOALAN: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABDUL RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]**

**TARIKH : 01 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 9998**

**SOALAN :**

**Datuk Abdul Rahim Bin Bakri [Kudat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan bangunan kekal balai polis Daerah Pitas yang lengkap dengan pelbagai perkhidmatan berkaitan keselamatan dapat dilaksanakan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Balai Polis Pitas, Sabah pada peringkat awal operasinya adalah di sebuah bangunan jenis papan dan bertaraf Pondok Polis. Mengambil kira keperluan semasa, perjawatannya telah dinaiktaraf kepada Balai Polis dan komponen sedia ada yang beroperasi di atas tapak seluas 9 ekar adalah seperti berikut :

- i. sebuah bangunan Balai Polis jenis batu yang dibina pada tahun 2009 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dengan anggaran kos RM200,000.00; dan
- ii. sebuah bangunan papan iaitu bangunan Pondok Polis dengan 2 unit rumah yang mula digunakan sejak tahun 2001.

Balai ini mempunyai kekuatan anggota seramai 24 orang pelbagai pangkat yang diketuai oleh seorang Inspektor. Projek menaik taraf Balai ini telah disenaraikan di bawah projek yang dikendalikan oleh Syarikat Pembinaan *Built, Lease and Transfer* Sdn. Bhd. (PBLT) dengan kos siling sebanyak RM22 juta. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2018.